



## CADANGAN INOVASI WARGA JABATAN AUDIT NEGARA

### 1. PENGENALAN

- 1.1 Perkhidmatan Awam pada masa kini menghadapi pelbagai cabaran yang kompleks berikutan dengan perubahan sosial dan ekonomi sedunia. Persekitaran ini menuntut sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif dalam menghasilkan perkhidmatan yang dapat memenuhi ekspektasi serta melangkaui kehendak pelanggan dan *stakeholders*. Keadaan ini juga memberi kesan kepada penggunaan sumber khususnya sumber kewangan yang terhad serta keperluan modal insan yang berkualiti.
- 1.2 Kehendak dan ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat memerlukan warga Jabatan Audit Negara (JAN) lebih responsif dalam menyediakan perkhidmatan yang menjurus kepada keperluan pelanggan yang *customised*. Warga JAN juga memerlukan pendekatan baru dan idea yang lebih radikal untuk membolehkan JAN meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan agar lebih cekap dan berkesan.
- 1.3 Dengan itu, warga JAN perlu berani berubah dan mencuba pendekatan penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif ke arah menepati kehendak senario baru ini. Budaya inovasi adalah sebahagian daripada gerakan transformasi sektor awam di samping menyokong agenda peningkatan daya saing negara.
- 1.4 Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan prestasi Perkhidmatan Awam. Di antara usaha yang dilaksanakan ialah Program Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), Program Peningkatan Produktiviti, Program Strategi-strategi Peningkatan Kualiti, Program Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Program Pelaksanaan MS ISO 9000. Usaha-usaha ini telah pun membantu mewujudkan asas yang kukuh bagi memastikan prestasi Perkhidmatan Awam yang berkualiti. Namun demikian, cabaran-cabaran masa kini memerlukan Perkhidmatan Awam mengamalkan pendekatan-pendekatan yang lebih inovatif secara menyeluruh.
- 1.5 Justeru, strategi hendaklah disusun untuk meningkatkan budaya inovasi berpandukan kepada rasional berikut:
  - (i) Keperluan memenuhi perubahan ketara dalam kehendak rakyat secara lebih berkesan.
  - (ii) Keperluan meningkatkan kecekapan dan mengawal kos dalam menangani kekangan sumber kewangan semasa.
  - (iii) Keperluan memperkenalkan pendekatan penyampaian perkhidmatan baru apabila kaedah semasa didapati kurang berkesan.
  - (iv) Keperluan memanfaatkan keupayaan teknologi terkini secara optimum.



### 2. SKOP INOVASI JABATAN AUDIT NEGARA

Budaya Inovasi sentiasa menggalakkan warga organisasi mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan. Ia adalah hasil cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Idea-idea ini boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi dalam bidang seperti berikut:

- Pengurusan Strategik dan Kepimpinan Organisasi
- Budaya Kerja
- Kewangan dan Aset
- Pengurusan Pelanggan
- Sumber Manusia
- Pengurusan Pelanggan
- Pengurusan Projek Pembangunan
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

### 3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Setiap cadangan atau idea hendaklah dinyatakan dengan melengkapkan borang seperti di **Lampiran A** dan diserahkan kepada Unit Inovasi JAN untuk dikemukakan kepada pihak pengurusan. Contoh mengisi borang berkenaan adalah seperti di **Lampiran B**.

3.2 Borang ini diwujudkan untuk:

- i. Mendapatkan cadangan daripada warga JAN untuk menambah baik dan meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja khususnya dalam sistem penyampaian perkhidmatan.
- ii. Mengaplikasikan idea baru yang menghasilkan perubahan yang signifikan dalam menambah nilai output semasa dan transformasi kepada amalan sedia ada untuk memberi impak yang lebih baik.
- iii. Mencipta cara bekerja baru dan menghasilkan inovasi.
- iv. Mewujudkan kebolehan menyelesaikan masalah atau membuat penambahbaikan kerja.
- v. Menggalakkan penglibatan dan peningkatan komitmen warga JAN terhadap kerja.
- vi. Memberi kesedaran mengenai tanggungjawab terhadap diri sendiri, kumpulan, organisasi dan negara.
- vii. Menggalakkan penghasilan idea-idea yang inovatif dan kreatif.
- viii. Mewujudkan hubungan yang harmoni di antara pihak pengurusan dan pekerja di mana setiap cadangan dan idea-idea baru akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi JAN untuk kelulusan dan dipraktikkan.



**CADANGAN INOVASI  
WARGA JABATAN AUDIT NEGARA**

1. Bidang Inovasi: .....

2. Ruang Penambahbaikan/Masalah/Cabaran Yang Dihadapi:

.....  
.....

3. Cadangan Penambahbaikan:

.....  
.....  
.....

4. Faedah Yang Dijangkakan:

.....  
.....  
.....

5. Disediakan Oleh:

Nama :  
Jawatan :  
No. Tel :  
No. Faks :  
E-mel :

**Sila hantarkan cadangan anda kepada:**

Unit Inovasi  
Jabatan Audit Negara  
No. 15 Aras 1, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62518 Putrajaya  
Tel: 03-8888 9110 Faks: 03-8888 4905 E-mel: [khairulazrin@audit.gov.my](mailto:khairulazrin@audit.gov.my)  
**U/p: Encik Khairul Azrin Bin Mod Rifat**



CADANGAN INOVASI  
WARGA JABATAN AUDIT NEGARA

CONTOH

1. Bidang Inovasi: Sumber Manusia
2. Ruang Penambahbaikan/Masalah/Cabaran Yang Dihadapi:  
Pegawai senior yang berpengalaman luas dalam pengauditan bersara tanpa sempat menurunkan ilmu dan pengalaman kepada pegawai junior.
3. Cadangan Penambahbaikan:  
Mewujudkan **Program Mentor-Mentee**. Masa diperuntukkan sekurang-kurangnya 2 jam seminggu bagi membolehkan pegawai junior mempelajari teknik pengauditan dan pelbagai ilmu daripada pegawai senior dari pelbagai sektor/bahagian.
4. Faedah Yang Dijangkakan:
  - i. *Zero Cost Knowledge Sharing.*
  - ii. Teknik pengauditan dapat dipelajari daripada pegawai yang berpengalaman.
  - iii. Mewujudkan hubungan harmoni antara pegawai dalam satu Jabatan.
5. Disediakan Oleh:  
Nama : Khairul Azrin Bin Mod Rifat  
Jawatan : Penolong Pengarah Audit  
No. Tel : 03- 8889 9110  
No. Faks : 03-8888 4905  
E-mel : khairulazrin@audit.gov.my

Sila hantarkan cadangan anda kepada:

Unit Inovasi  
Jabatan Audit Negara  
No. 15 Aras 1, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62518 Putrajaya  
Tel: 03-8888 9110 Faks: 03-8888 4905 E-mel: [khairulazrin@audit.gov.my](mailto:khairulazrin@audit.gov.my)  
**U/p: Encik Khairul Azrin Bin Mod Rifat**